



GARIS PANDUAN SKIM ZAMALAH PENYELIDIKAN (BANTUAN YURAN PENGAJIAN SAHAJA)

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kkuatkuasa
01	01	1 September 2023

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Melalui minit mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan Bil.2/2020 bertarikh 11 Mac 2020 dan juga petikan minit mesyuarat Senat ke-466 bertarikh 17 Jun 2020, Universiti telah bersetuju bahawa tadbir urus Skim Zamalah Penyelidikan akan dilaksanakan dan diuruskan oleh Pusat Siswazah di bawah Unit Anugerah dan Biasiswa. Selepas penggabungan Pusat Siswazah di bawah Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM) pada Ogos 2022, tadbir urus Skim Zamalah Penyelidikan kini dikendalikan oleh AKADEMIK UKM di bawah Bahagian Kompetensi Siswazah dan Promosi.
- 1.2 Memandangkan kewangan Skim Zamalah Penyelidikan ini adalah di bawah sumber dana Universiti Penyelidikan, AKADEMIK UKM perlu memohon peruntukan kewangan daripada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM).
- 1.3 AKADEMIK UKM akan menguruskan penawaran Skim Zamalah Penyelidikan ini pada setiap semester pengajian tertakluk kepada kelulusan peruntukan kewangan daripada CRIM.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Untuk menarik calon Warganegara (terutama dari kalangan pelajar prasiswazah UKM) dan calon Bukan Warganegara yang berminat untuk mengikuti pengajian pascasiswazah secara mod penyelidikan di UKM dengan memberikan bantuan pembiayaan sebahagian daripada yuran pendaftaran dan yuran pengajian bagi semester pertama hingga semester ketiga pengajian (pelanjutan bantuan pembiayaan adalah tertakluk kepada prestasi pelajar).
- 2.2 Untuk mengukuh dan meningkatkan output penyelidikan di UKM melalui peningkatan pengambilan pelajar pascasiswazah (mod penyelidikan) tempatan dan antarabangsa yang cemerlang serta meningkatkan bilangan penerbitan jurnal.

3.0 SYARAT PELANTIKAN

3.1 Syarat Umum

- 3.1.1 Calon telah menerima surat tawaran kemasukan daripada UKM bagi pengajian Sarjana atau Doktor Falsafah melalui mod penyelidikan secara sepenuh masa;
- 3.1.2 Permohonan baharu adalah terbuka kepada calon yang belum mendaftar, ATAU berada dalam semester pertama, ATAU semester kedua pengajian;

- 3.1.3 Permohonan hanya untuk pelajar yang mengikuti pengajian secara sepenuh masa sahaja;
 - 3.1.4 Pemohon mesti mempunyai cadangan penyelidikan yang diperaku oleh penyelia;
 - 3.1.5 Pelantikan adalah terbatal secara automatik sekiranya didapati calon menangguhkan atau ditamatkan pengajian. Walau bagaimanapun bagi calon yang menangguhkan pengajian, penangguhan untuk Skim Zamalah Penyelidikan ini boleh diberikan tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan oleh Pusat Pengurusan Akademik;
 - 3.1.6 Pemohon tidak menerima sebarang bentuk biasiswa atau sokongan kewangan lain dan tidak terlibat dalam sebarang jenis pekerjaan sama ada bergaji atau tidak. Walau bagaimanapun, penajaan atau biasiswa yang tidak berkaitan dengan yuran pengajian adalah dibenarkan.
- 3.2 **Syarat Permohonan Mengikut Peringkat Pengajian Calon**
- 3.2.1 **Pengajian Sarjana**
 - a. Terbuka kepada calon Warganegara sahaja;
 - b. Memperoleh keputusan yang baik ($\text{PNGK} \geq 3.00$) dalam pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda ATAU kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia;
 - c. Calon yang mempunyai rekod penerbitan artikel dalam jurnal dan/atau prosiding akan diberikan keutamaan untuk dipertimbangkan.
 - 3.2.2 **Pengajian Doktor Falsafah**
 - a. Terbuka kepada calon Warganegara dan Bukan Warganegara;
 - b. Lulus pengajian peringkat sarjana secara mod penyelidikan dengan rekod penerbitan:
 - i. Calon dari bidang Sains, Teknologi dan Kesihatan telah mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) hasil penerbitan dalam jurnal yang terindeks WoS/SCOPUS/ERA dalam tempoh 5 tahun kebelakang.
 - ii. Calon dari bidang Sains Sosial telah mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) hasil penerbitan dalam jurnal yang terindeks WoS/SCOPUS/ERA dalam tempoh 5 tahun kebelakang.
 - c. Memperoleh keputusan yang baik ($\text{PNGK} \geq 3.50$) dalam pengajian Sarjana secara kerja kursus / mod campuran ATAU kelayakan yang setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Keutamaan akan diberikan kepada calon dengan rekod penerbitan:
 - i. Calon dari bidang Sains, Teknologi dan Kesihatan telah mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) hasil penerbitan dalam mana-mana

penerbitan yang terindeks oleh WoS/SCOPUS/ERA dalam tempoh 5 tahun kebelakang.

- ii. Calon dari bidang Sains Sosial telah mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) hasil penerbitan dalam mana-mana penerbitan yang terindeks oleh WoS/SCOPUS/ERA dalam tempoh 5 tahun kebelakang.

3.3 Syarat Untuk Penyelia

- 3.3.1 Penyelia mesti merupakan kakitangan akademik yang aktif mengikut definisi glosari MyRA®;
- 3.3.2 Penyelia perlulah menjadi ketua/ahli projek bagi sekurang-kurangnya satu (1) projek penyelidikan aktif (tempoh projek mesti sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh permohonan) dan mempunyai dana yang mencukupi bagi menyokong penyelidikan calon sepanjang tempoh penerimaan Skim Zamalah Penyelidikan ini;
- 3.3.3 Rekod Penerbitan:
 - a. Penyelia dari bidang Sains, Teknologi dan Kesihatan perlulah sekurang-kurangnya mempunyai dua (2) penerbitan dalam jurnal terindeks (WoS/SCOPUS/ERA) sebagai penulis utama atau penulis koresponding dalam tempoh satu (1) tahun sebelumnya.
 - b. Penyelia dari bidang Sains Sosial perlulah sekurang-kurangnya mempunyai satu (1) penerbitan dalam jurnal terindeks (WoS/SCOPUS/ERA) sebagai penulis utama atau penulis koresponding dalam tempoh satu (1) tahun sebelumnya.

4.0 KAEDAH PEMBIAYAAN

- 4.1 Pembiayaan Skim Zamalah Penyelidikan ini adalah menggunakan dana Universiti Penyelidikan;
- 4.2 Pembiayaan kepada pelajar Warganegara adalah mengikut kadar yuran pengajian bagi pelajar Warganegara yang dikeluarkan oleh Bendahari UKM;
- 4.3 Pembiayaan kepada pelajar Bukan Warganegara adalah mengikut kadar yuran program pengajian bagi pelajar Warganegara yang dikeluarkan oleh Bendahari UKM. Ini bermakna, pelajar Bukan Warganegara perlu membayar sendiri baki yuran pendaftaran dan/atau yuran pengajian semester kepada Bendahari UKM;
- 4.4 Bantuan kewangan ini diberikan kepada pelajar berdasarkan semester pengajian mengikut kalendar akademik UKM;
- 4.5 Pelajar yang layak akan menerima pembiayaan Skim Zamalah Penyelidikan yang merangkumi yuran pendaftaran dan yuran pengajian semester pertama, dan/atau

semester kedua, dan/atau semester ketiga sahaja. Semua pelajar perlu mempunyai akaun bank Malaysia (CIMB Bank Berhad) bagi tujuan pemulangan semula yuran pengajian;

- 4.6 Penerima Skim Zamalah Penyelidikan perlu memajukan laporan prestasi penyelidikan sekurang- kurangnya satu (1) bulan sebelum semester baharu bermula mengikut format yang ditetapkan;
- 4.7 Pertimbangan dan perakuan untuk pelanjutan bagi semester seterusnya akan dibuat berdasarkan prestasi penyelidikan pelajar dan tertakluk kepada kecukupan baki peruntukan kewangan CRIM.

5.0 PROSEDUR PERMOHONAN

5.1 Permohonan Baru

- 5.1.1 Calon yang telah menerima surat tawaran, ATAU berada dalam semester pertama pengajian, ATAU berada dalam semester kedua pengajian adalah layak untuk memohon;
- 5.1.2 Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan dengan mengemukakan dokumen sokongan seperti dalam senarai semak permohonan;
- 5.1.3 Pemohon perlu mendapatkan perakuan Penyelia semasa atau Penyelia yang dicadangkan;
- 5.1.4 Mengemukakan Cadangan Penyelidikan (maksimum 5 muka surat) perlu merangkumi perkara seperti berikut:
 - a. Tajuk Penyelidikan
 - b. Ringkasan Eksekutif
 - c. Latar Belakang Penyelidikan
 - d. Metodologi Kajian
 - e. Jangkaan Output
 - f. Lampiran Carta Perbatuan
- 5.1.5 Borang permohonan yang diterima lewat daripada tarikh tutup permohonan adalah ditolak.

5.2 Permohonan Lanjutan

- 5.2.1 Penerima Skim Zamalah Penyelidikan pada semester terdahulu (berada dalam semester pertama atau kedua) boleh memajukan permohonan pelanjutan dengan mengemukakan Laporan Prestasi kepada Pusat Pengurusan Akademik;

- 5.2.2 Semua penerbitan yang telah dihantar, diterima atau diterbitkan wajib didaftarkan dalam sistem e-Repository oleh kakitangan akademik UKM. Pendaftaran penerbitan di e-Repository tersebut perlu disertakan dalam permohonan lanjutan sebagai pembuktian.
- 5.2.3 Borang permohonan yang diterima lewat daripada tarikh tutup permohonan adalah ditolak.

6.0 KRITERIA PENILAIAN

- 6.1 Penilaian akan dibuat melalui bengkel Penilaian oleh Jawatankuasa Penilai yang dilantik;
- 6.2 Kriteria yang dinilai adalah termasuk:
- 6.2.1 **Permohonan Baru**
- Kelayakan Akademik Pemohon
 - Syarat kelayakan Penyelia – Status, Penerbitan, Projek Penyelidikan
 - Rekod Penerbitan Pemohon
 - Potensi menghasilkan penerbitan
 - Cadangan penyelidikan
- 6.2.2 **Permohonan Lanjutan**
- Pencapaian penerbitan dalam tempoh lantikan seperti dalam Perkara 7.1.
- 6.3 Keputusan penilaian oleh Jawatankuasa Penilai adalah muktamad.

7.0 KPI PENERBITAN DALAM TEMPOH LANTIKAN

- 7.1 KPI penerbitan yang ditetapkan adalah bagi membolehkan pelajar Sarjana memenuhi syarat penerbitan, dan pelajar Doktor Falsafah memenuhi sebahagian daripada syarat penerbitan bagi pengijazahan. Pencapaian penerbitan yang perlu dicapai dalam tempoh lantikan adalah seperti berikut:

KPI	Sarjana	Doktor Falsafah
Semester 1	Sekurang – kurangnya satu (1) deraf artikel jurnal telah DISEMAK DAN DISAHKAN oleh penyelia	Sekurang – kurangnya satu (1) deraf artikel jurnal telah DISEMAK DAN DISAHKAN oleh penyelia
Semester 2	Sekurang – kurangnya satu (1) naskah artikel DIHANTAR ke jurnal terindeks (WoS/SCOPUS/ERA)	Sekurang – kurangnya satu (1) naskah artikel DIHANTAR ke jurnal terindeks (WoS/SCOPUS)
Semester 3	Sekurang – kurangnya satu (1) naskah artikel DITERIMA untuk diterbitkan di dalam jurnal terindeks (WoS/SCOPUS/ERA)	Sekurang – kurangnya satu (1) naskah artikel DITERIMA untuk diterbitkan di dalam jurnal terindeks (WoS/SCOPUS)

7.2 Pembuktian pencapaian KPI bagi setiap semester perlu didaftar dan dimuat naik ke sistem e-Repository Penerbitan UKM. Pembuktian penerbitan yang dimuat naik ke sistem e-Repository akan dirujuk bagi penilaian pencapaian KPI untuk tujuan pelanjutan Zamalah bagi semester berikutnya.

8.0 PENERIMAAN TAWARAN

Calon yang berjaya akan diberikan surat tawaran Skim Zamalah Penyelidikan oleh Pusat Pengurusan Akademik. Calon yang menerima tawaran dikehendaki menandatangani Surat Akaan Penerimaan Tawaran Skim Zamalah Penyelidikan dan mengembalikan kepada Pusat Pengurusan Akademik dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat tawaran.

9.0 TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini telah disemak dan diperakukan oleh Pusat Pengurusan Akademik dan berkuatkuasa mulai 1 September 2023.

- TAMAT -